

# Minyak, tepung dirampas



Ketua Unit Kawalan Bekalan KPDNHEP Kelantan, Tuan Raja Zul Adli Raja Yaacob (kiri) memeriksa barangan bersubsidi yang cuba disorok penyeludup.

## *Beli dan kumpul barangan subsidi sebelum seludup ke Thailand*

HAZELEN LIANA  
KAMARUDIN

RANTAU PANJANG

**M**embeli barang kawalan bersubsidi di luar Kelantan seperti Pulau Pinang, Perak dan Pahang menjadi taktik terbaru penyeludup bagi melindungi kegiatan haram tersebut daripada dihidu anggota penguat kuasa.

Bukan itu sahaja, mereka membuat pembelian barang kawalan yang dikilangkan dan dibungkus di dalam negeri ini.

Tidak cukup dengan itu, mereka yang merupa-

kan pemilik berlesen bertindak menyimpan barang kawalan bersubsidi di alamat yang tidak berlesen dengan tujuan mengelakkan ia dikesan.

Bagaimanapun modus operandi licik itu berjaya dihidu anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KP-DNHEP) Kelantan hasil kerja-kerja pengauditan menerusi Operasi Barang Kawalan Berjadual di sempadan.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Kelantan, Azanizam Affendi Juri berkata, melalui kerja-kerja itu pihaknya mengesan wujudnya penyelewengan barangan kawalan yang cuba diseludup ke negara jiran.

"Sekitar jam 10 pagi tadi (semalam), kita telah menjalankan pemeriksaan di sebuah premis berlesen

(pemborong tepung gandum) di sekitar Rantau Panjang.

"Hasil pemeriksaan menemui tepung gandum bersubsidi sebanyak 10.1 tan bersebelahan premis tersebut," katanya.

Azanizam berkata, individu yang merupakan pemilik kepada barangan itu tanpa berselindung mengakui ia adalah miliknya yang disimpan di premis bersebelahan yang tidak dilesenkan.

Beliau berkata, berpan-dukan kepada maklumat itu anggota penguat kuasa KPDNHEP Kelantan telah membuat pemeriksaan terhadap sebuah lori bernombor pendaftaran tempatan dan menemui minyak masak bersubsidi berjumlah 6.8 tan.

"Nilai rampasan kedua-dua jenis barangan itu dianggarkan berjumlah RM30,907.50," katanya.